From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 21 April, 2022 4:00:15 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM-CIDB Teroka Peluang Kolaborasi Strategik

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2022 / 19 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM-CIDB TEROKA PELUANG KOLABORASI STRATEGIK



UUM ONLINE: Kolaborasi strategik antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berupaya membuka banyak peluang untuk diteroka demi pembangunan

UUM.

Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Ir. Md. Uzairin Saidin berkata, UUM menjalinkan kerjasama dengan CIDB dalam usaha membantu JPP untuk memperkukuhkan pengurusan projek pembinaan UUM.

“Inisiatif ini juga membolehkan CIDB menyediakan peluang jaringan hubungan industri yang lebih luas untuk memanfaatkan peluang kerjasama lebih berkesan,” katanya yang mewakili Naib Canselor ketika menerima kunjungan CIDB di Bilik Mesyuarat Utama JPP, semalam.

Kunjungan Pengarah CIDB Negeri Kedah, Mohd Azmi Dzulkifli diiringi Pengurus CIDB Negeri Kedah, Yusrillhaffiz Hamzah dan Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara, Mohd Nazri Zakaria.

Sementara itu, Mohd Azmi berkata, peluang menjalinkan kerjasama strategik ini tepat pada masanya memandangkan inisiatif yang diambil itu membuka ruang perbincangan, sekali gus membawa kebaikan kepada kedua pihak.

Beliau turut memaklumkan tentang perkembangan terkini aktiviti kawal selia, pembangunan dan pemudahcaraan CIDB dalam industri pembinaan negara selain berhasrat memantapkan pengurusan pemilihan kontraktor dengan bantuan CIDB dari segi semakan rekod akreditasi, pengkhususan dan penilaian perkhidmatan.

Selain itu, turut dibincangkan adalah kerjasama latihan dari ABM untuk staf JPP dan kontraktor dari segi kemahiran teknikal berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Pengarah JPP, Norani Abu Seman dan Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan, Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD), Dr. Abd. Halim @ Hamilton Ahmad.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed

by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.